

08/06/1998

Semangat jati diri bantu pulih ekonomi

PEMULIHAN ekonomi, sebagaimana dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir kelmarin memerlukan masa yang agak panjang. Ia juga memerlukan ketabahan hati serta pengorbanan. Perkara ini sudah pun banyak kali disebut kerana tanpa ketabahan hati dan pengorbanan, pemulihan ekonomi tidak akan datang dengan sendirinya. Ia memerlukan usaha, selain tindakan kerajaan yang berkesan. Walaupun perlu mengakui pertumbuhan ekonomi kita agak terbatas, kita masih mempunyai sebuah kerajaan yang stabil. Pada kita perkara ini amat penting kerana kestabilan negaralah yang akhirnya menjadi pengukur kepada kedudukan ekonomi negara. Walaupun mengalami kehidupan agak terhimpit, rakyat masih memberi keutamaan kepada kestabilan negara. Inilah pengorbanan rakyat yang kita anggap paling mulia darjatnya.

Kuasa asing yang ingin melihat negara ini runtuh, mungkin sudah hampir berjaya memporak-perandakan kekukuhan mata wang dan pasaran saham di negara ini. Dengan kuasa dan kekayaan yang ada, mereka menerjah ke dalam setiap ruang untuk melemahkan kedudukan ekonomi negara. Langkah berikut ialah untuk mengucar-kacirkan kestabilan politik negara. Jika inilah matlamat mereka, kita menasihatkan supaya mereka melupakan saja niat itu. Rakyat negara ini tidak mudah tunduk dengan percaturan jahat mereka.

Daripada kenyataan pemimpin dunia dan institusi antarabangsa, kebanyakan mereka menganggap Malaysia melakukan sesuatu keajaiban kerana berjaya mempertahankan kedudukannya walaupun serangan yang diterima begitu hebat sekali. Pada kita kenyataan seperti ini mempunyai makna tersendiri. Ini menunjukkan sementara mereka mengakui ada pihak yang cuba memperkotak-katikan ekonomi Malaysia, mereka sedar Malaysia bukanlah sebuah negara yang begitu mudah mengalah. Setiap serangan dibalas dengan tindakan untuk mengatasinya. Jika mereka hairan bagaimana Malaysia masih mampu bertahan, jawapannya ada pada rakyat negara ini. Disebabkan rakyat memahami keadaan yang berlaku dan sedar tindakan kerajaan mengatasi masalah, mereka tidak bertindak membabi-butakan menentang tindakan kerajaan. Berikutan peristiwa di Indonesia, umpamanya, tidak kurang juga pihak yang meramalkan Malaysia adalah mangsa seterusnya yang akan mengalami keadaan yang sama. Banyak andaian dibuat tetapi setakat ini kita tidak nampak sebarang tanda jelas bangsa Malaysia akan terjerumus. Rakyat sendiri menolak andaian yang sengaja dibuat itu kerana sedar matlamatnya adalah untuk melemahkan kepaduan di antara mereka.

Apa yang berlaku di Malaysia ini menimbulkan kehairanan kepada pihak asing mengenai bagaimana negara ini masih belum sedikit pun kelihatan tergugat. Pada kita, kerajaan berjaya menangani isu ini dengan cara paling berhemat. Sementara sedar bahawa pendapatan negara kian merosot tetapi masalah rakyat tetap tidak diabaikan. Sebarang tindakan ekonomi ditangani dengan dasar yang berkesan dan pada masa yang sama kerajaan tidak mengabaikan kebajikan rakyat. Setakat ini kerajaan belum menarik balik sebarang kemudahan yang diberikan kepada rakyat. Malah, di mana-mana yang kurang, ditampung. Oleh itu, tidak ada sebab rakyat perlu bertindak.

Jika kita lihat daripada beberapa tindakan kebelakangan ini, ketika kuasa luar menjangkakan kerajaan akan menarik balik insentif yang diberikan kepada institusi tertentu, kerajaan melakukan tindakan sebaliknya. Umpamanya, kerajaan menambah peruntukan RM500 juta ke dalam Tabung Usahawan Bumiputera (TUB). Ini tidak termasuk dana untuk projek sosial yang lain.

Walaupun kita tidak menafikan ada tindakan yang mungkin menyebabkan

berlaku sedikit kenaikan harga barangan, umpamanya beras, ini tidak bermakna tindakan membetulkan keadaan tidak diambil. Dari awal lagi kerajaan sudah mengingatkan bahawa kenaikan barang import tidak dapat dielakkan. Beras adalah antara barang yang diimport. Kita percaya dengan langkah kerajaan mengurangkan barang import dan menggalakkan eksport, beberapa masalah yang kita hadapi akan dapat diatasi. Tindakan Malaysia ini, sebaliknya, menimbulkan kebimbangan di sesetengah negara maju disebabkan dasar pengurangan import yang dilaksanakan. Ini kerana tindakan Malaysia ini turut dicontohi beberapa negara lain. Negara maju sendiri mula menerima kesan terhadap tindakan mereka kepada negara ini. Setelah bertindak menyusahkan kita, sekarang ternyata tindakan mereka itu, akhirnya turut menyusahkan diri sendiri.

(END)